

**KENYATAAN SEBUTHARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang** sahaja dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	NO. SEBUTHARGA	PERDA/BHT/S/9/2022
(ii)	TAJUK SEBUTHARGA	KERJA-KERJA NAIKTARAF SISTEM PERPAIPAN AIR SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DATARAN SELERA PERDA SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.
(iii)	KELAYAKAN	Gred G1 : Kategori CE:- Pengkhususan CE21
(iv)	TARIKH & MASA MUAT NAIK DOKUMEN DAN SPESIFIKASI KERJA	11 MEI 2022 (10.00 PAGI, RABU) hingga 17 MEI 2022 (5.00 PETANG, SELASA)
(v)	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	20 MEI 2022 (JUMAAT)

2. Kontraktor perlu mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari perolehan.perda.gov.my pada bila-bila masa sebelum menyertai sebarang sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Kepada syarikat yang berminat untuk menyertai sebutharga di atas, pendaftaran sebutharga boleh dilakukan dengan melayari perolehan.perda.gov.my. Kontraktor yang memenuhi syarat-syarat kelayakan boleh **memuat turun dan mencetak** sendiri kesemua dokumen **wajib** bermula dari tarikh **11 MEI 2022 (10.00 pagi)** hingga **17 MEI 2022 (5.00 petang)** Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Walaubagaimanapun, kontraktor boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan dengan mengamalkan SOP Pelan Pemulihan Negara yang telah ditetapkan. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuatnaik dan dihantar adalah seperti berikut :

- i. Dokumen Sebutharga (termasuk segala dokumen wajib yang dinyatakan di dalam dokumen ini)
- ii. Spesifikasi Kerja
- iii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen dan spesifikasi kerja yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **20 MEI 2022 sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. (Tertakluk Arahan Semasa PPN)

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.